



PERAK  
JABATAN MUFTI NEGERI PERAK

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

## KENYATAAN RASMI BIL. 7/2020

### PANDUAN PERLAKSANAAN SOLAT BAGI ANGGOTA KESELAMATAN KETIKA MELAKSANAKAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR) KETIKA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) COVID-19

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 153 :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ ﴿١٥٣﴾

Bermaksud : “ Wahai sekalian orang-orang yang beriman! Mintalah pertolongan (untuk menghadapi susah payah dalam menyempurnakan sesuatu perintah Tuhan) dengan bersabar dan dengan (mengerjakan) sembahyang; kerana sesungguhnya Allah menyertai (menolong) orang-orang yang sabar ”

Panduan Pelaksanaan Solat ini dikemukakan sebagai panduan kepada para anggota keselamatan termasuk Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Rela, JPAM dan lain-lain agensi keselamatan yang terlibat sebagai “frontliner” bagi melaksanakan Sekatan Jalan Raya (SJR) dan tugas keselamatan dalam Negeri Perak. Panduan ini bagi mengingatkan keperluan asas seseorang Muslim terhadap pemeliharaan tanggungjawab terhadap Allah SWT.

#### Panduan Pelaksanaan

Asasnya solat merupakan suatu tuntutan yang wajib dilaksanakan berdasarkan firman Allah SWT dalam surah an-Nisa' ayat 103 :

إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَّوْقُوتًا ﴿١٠٣﴾

Bermaksud: “ Sesungguhnya solat itu adalah fardu yang ditentukan waktunya atas orang-orang yang beriman. ”

- a) **Wajib** mendahulukan pelaksanaan solat dengan sempurna (tamam) dengan memelihara syarat dan rukun solat. Haram dan berdosa besar meninggalkan dan menjamakkannya tanpa sebab yang diharuskan syarak;
- b) Jika bilangan anggota di pos / lokasi kawalan masih mencukupi maka, dianjurkan untuk dilaksanakan solat secara sempurna dengan kaedah **bergilir** antara anggota. Disarankan bekalan air untuk berwuduk mencukupi, penentuan arah kiblat yang tepat serta keperluan pakaian dan kelengkapan solat yang bersih daripada najis;
- c) Sekiranya menghadapi kesukaran meninggalkan pos kawalan, bilangan anggota terhad dan dibebani kekangan waktu maka, **dilaksanakan solat pada pengakhiran waktu secara bergilir** dengan cara dilewatkan pelaksanaan solat Zohor atau Maghrib sehingga ke akhir waktu serta solat Asar dan Isyak **di awal waktu**.
- d) Ketika keadaan mendesak, sulit atau sukar (masyaqqah) untuk melaksanakan solat secara sempurna (tamam) atau di akhir waktu maka, diberi keringanan kepada anggota untuk **melaksanakan solat jamak tanpa qasar** :
- i) samada jamak taqdim sekiranya dijangka kesukarannya atau sakitnya akan menghalangnya atau menyukarkannya pada waktu Asar atau;
  - ii) melaksanakan jamak ta'khir sekiranya dijangka kesukarannya atau sakitnya akan menghalangnya atau menyukarkannya pada waktu Zohor.
- e) Namun, sekiranya tidak mampu juga untuk melaksanakan solat kerana darurat bagi menjaga keselamatan yang boleh membawa kepada luputnya waktu solat atau kesukaran lain yang menurut Syarak maka, hendaklah **dilaksanakan solat hormat waktu** secara jamak ta'khir dan **hendaklah diulang** secara sempurna di masa yang lain.

Jabatan Mufti Negeri Perak merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan *jazakumullahu khairan kathira* kepada para "frontliner" dan seluruh petugas keselamatan dengan doa dan harapan agar dipelihara dan dipermudahkan segala urusan.

Disediakan oleh : Jabatan Mufti Negeri Perak.